

03/09/1999

Gerak gempur tidak gugat keutuhan PM

JITRA, Khamis - Keutuhan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu tidak tergugat oleh gerak gempur Dewan Pemuda Pas Kedah di Kubang Pasu, kata bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff.

Osman yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, berkata Umno sudah meneliti kesan gerak gempur itu yang dijalankan Jumaat lalu dan mendapati ia tidak meninggalkan kesan terhadap kemantapan Umno dan Barisan Nasional (BN).

Sehubungan itu, katanya, Umno bahagian tidak gentar menghadapi dengan gerak gempur terbabit dan akan memerangnya melalui gerakan berterusan sama ada di peringkat Pergerakan Pemuda Umno bahagian atau Umno bahagian.

"Mereka pergi dari rumah ke rumah. Kami sudah mengikuti kesannya dan mendapati tidak ada banyak kesan.

Dewan Pemuda Pas Kedah melancarkan gerak gempur terbabit di sekitar daerah berkenaan dari pagi hingga petang Jumaat lalu dengan berjumpa penduduk dari rumah ke rumah.

Selain kononnya untuk memberikan penjelasan mengenai pelbagai isu semasa, ahli dewan terbabit turut mengedarkan risalah mengenai perjuangan Pas kepada orang ramai.

"Risalah yang diedarkan dalam gerak gempur itu adalah risalah cacamerba. Umno menjalankan gerakan sepanjang masa. Kedudukan Dr Mahathir tidak akan tergugat dengan gerak gempur itu.

"Tidak semestinya apabila Pas buat gerak gempur kita juga buat perkara yang sama tetapi Pergerakan Pemuda Umno Kedah akan melancarkan gerak gempurnya, Sabtu ini," katanya ketika hadir dalam sidang akhbar mengenai penafian Persatuan Siam Malaysia terhadap seorang lelaki yang mendakwa campuran Siam dan Cina, Chong Thian Teik, yang berceramah di atas pentas Pas untuk memburuk-burukkan kerajaan.

Presiden persatuan itu, Senator Datuk Charern Intachat, menafikan dakwaan Chong bahawa masyarakat Siam di negara ini menyokong Pas.

(END)